



**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN TANGGA KESELAMATAN DI
ATAS REZAB JALAN/LONGKANG BAGI PREMIS-PREMIS YANG
DIUBAHSUAI ATAU DITUKARGUNA DI KAWASAN
PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

(Diluluskan Oleh Majlis Penuh MPSP Bil 554 (08/2020) pada 25.08.2020)

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN TANGGA KESELAMATAN DI ATAS REZAB JALAN/LONGKANG BAGI PREMIS-PREMIS YANG DIUBAHSUAI ATAU DITUKARGUNA DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk membenarkan penyediaan tangga keselamatan di atas rezab jalan/longkang bagi premis-premis sediada yang diubahsuai atau tukarguna di Seberang Perai


2.0 SYARAT - SYARAT PERLETAKAN TANGGA KESELAMATAN SEMENTARA PERLU DIPATUHI

- 2.1 Garis Panduan ini terpakai kepada semua premis yang dikenakan syarat penyediaan tangga keselamatan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat malaysia,
- 2.2 Kelulusan untuk pembinaan tangga keselamatan di atas rezab jalan dan parit boleh diberikan.
- 2.3 Binaan tangga jenis mekanikal atau lipat (folding stairs) atau yang setara dengannya dibenarkan bagi semua jenis premis.
- 2.4 Binaan tangga ini boleh dibenarkan untuk pembangunan strata dengan syarat mendapat persetujuan daripada Badan Pengurusan atau pemilik petak (premis) bertingkat yang terlibat. Persetujuan ini termasuklah pembinaan, pemasangan dan penggunaan tangga sementara ini secara bersama.
- 2.5 Semua permohonan pelan bangunan termasuk binaan tangga sementara ini dikemukakan oleh Orang Utama Yang mengemukakan (Principal Submitting Person - PSP) iaitu pihak perunding yang bertauliah.

- 2.6 Pemunya Bangunan / Perunding bertauliah hendaklah memastikan kekuahan / kestabilan serta fungsi tangga sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat.
- 2.7 Pemunya Bangunan / Perunding Bertauliah (PSP) hendaklah membuat penandaan (marking) di atas Tempat Letak Kereta (TLK) yang terlibat dengan pembinaan/pemasangan tangga keselamatan ini bagi memastikan tiada sebarang objek atau halangan yang berada di atas TLK ketika berlakunya sebarang kecemasan semasa penggunaan tangga tersebut.
- 2.8 Tangga mekanikal/lipat atau yang setara dengannya diwajibkan hanya pada bahagian bawah premis sahaja. manakala lain-lain rekabentuk tangga adalah dibenarkan bagi tingkat satu keatas dengan mematuhi ketinggian minima dan lain-lain syarat tertakluk kepada sokongan Jabatan Bomba dan penyelamat serta kelulusan Majlis.
- 2.9 Bagi binaan tangga yang berada di atas tempat letak kereta akan dikenakan bayaran sebanyak RM3000.00 untuk 1(satu) tempat letak kereta dengan sekali bayar kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai.
- 2.10 Tangga ini akan dikira sebahagian daripada pelan fee bangunan semasa peringkat mengemukakan pelan bangunan oleh PSP.
- 2.11 Tangga daripada batu bata, konkrit atau yang bersifat kekal adalah tidak dibenarkan.
- 2.12 Majlis Bandaraya Seberang Perai tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan,kerugian atau apa-apa tuntutan akibat tindakan yang diambil dari pembinaan struktur tangga ini.
- 2.13 Binaan tangga ini terpakai kepada kelebaran jalan/orong belakang yang tidak kurang daripada 20 kaki.
- 2.14 Lebar minima bagi tangga adalah 900mm dan ruang kelebaran maksima tangga yang dibenarkan adalah 1800mm tertakluk kepada kelulusan pihak Bomba.



Contoh : Tangga Lipat (Folding Stairs)




Contoh : Tangga Mekanikal

- 2.15 Tangga keselamatan boleh mempunyai bumbung. Keluasan bumbung hanya selebar tangga dan unjuran bumbung tidak boleh melebihi tangga.
- 2.16 Lakaran bagi kedudukan dan dimensi tangga keselamatan ini adalah seperti di Lampiran 1

3.0 TARIKH PELAKSANAAN: 01 September 2020

Lampiran 1

Lakaran Kedudukan (Tangga Mekanikal / Tangga Lipat atau yang setara dengannya)



LAKARAN 5A

